



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
KHAMIS 10 MAC 2022**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1. 2.	HASIL PESAWAH SMART SBB MENINGKAT 180%, LOKAL, HM-12 SMART SBB MAMPU BANTU CAPAI SASARAN BERAS NEGARA, BH-ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN MALAYSIA (MAFI)
3. 4. 5. 6. 7.	PERLINDUNGAN TAKAFUL RM10 JUTA UNTUK 1,000 AGROPRENUER WANITA TERAWAL, BISNES, SH-30 SEDIAKAN SET TANAMAN HIDROPONIK, LOKAL, HM-10 TAKAFUL PLUS RM10J, HM-ONLINE TKHM BANTU RUMAH KEBAJIKAN CEBURI PERTANIAN, HM-ONLINE TKHM BANTU RUMAH KEBAJIKAN CEBURI PERTANIAN, MSN-ONLINE	AGROBANK
8.	MOSTI, MARDI DIMINTA BANGUNKAN PADI BAHARU TAHAN BANJIR: PM, SH-ONLINE	INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
9. 10. 11. 12. 13.	MALAYSIA WAJAR CONTOHO STRATEGI CHINA BASMI KEMISKINAN, RENCANA, BH-12 FATIMAH MZ AGRO FARM, MULA DAPAT TEMPAHAN, BISNES, SH-31 DAHULU ASNAF, KINI JADI TAUKE CILI, NEGARA, KOSMO-16 DULU JURUTERA, SEKARANG PENGUSAHA NANAS BERJAYA DI PENGERANG, USAHA NIAGA, HAKAKAH-H24 1COVID-19 : PERMINTAAN KELAPA MUDA MENINGKAT, DALAM NEGERI, UM-10	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

## Hasil pesawah Smart SBB meningkat 180%

**Kuala Lumpur:** Bilangan dan hasil pendapatan pesawah menerusi program Smart Sawah Berskala Besar (Smart SBB) sehingga Disember tahun lepas meningkat sebanyak 28 hingga 180 peratus iaitu melebihi sasaran ditetapkan.

**Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Ahmad Hamzah** berkata, seramai 3,811 pesawah mendapat manfaat daripada program itu melibatkan kawasan penanaman padi seluas 9,777.7 hektar.

"Ia termasuk di beberapa tempat antaranya Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (LADA) Barat Laut Selangor dan IADA Seberang Perak," katanya pada sesi soal jawab persidangan Dewan Ra-

kyat di sini, semalam.

Beliau menjawab soalan **Khalid Abdul Samad (PH-Shah Alam)** yang mahu tahu apakah usaha baharu pihak Kementerian bagi mengurangkan kebergantungan beras import untuk penggunaan negara.

Katanya, Smart SBB adalah inisiatif baharu Kementerian bertujuan meningkatkan hasil padi domestik menerusi penglibatan pihak swasta yang telah sedia terlibat dalam industri, melalui pelaburan modal, kepakaran dan keupayaan teknologi.

"Ia juga bertujuan untuk meningkatkan produktiviti pengeluaran padi dan beras negara dan meningkatkan pendapatan pesawah," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/9/2022	BERITA HARIAN	ONLINE	

## SMART SBB MAMPU BANTU CAPAI SASARAN BERAS NEGARA

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi - Mac 9, 2022 @ 1:58pm

[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)



**KUALA LUMPUR:** Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) optimis pelaksanaan program SMART Sawah Berskala Besar (SMART SBB) mampu membantu mencapai sasaran Tahap Sara Diri (SSL) beras negara mencecah 75 peratus menjelang 2025 atau sebelum berakhirnya Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12).

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Ahmad Hamzah, berkata program itu menyasarkan peningkatan purata hasil padi nasional kepada tujuh tan metrik sehektar dalam tempoh RMK-12 berbanding purata hasil sekitar 3.5 hingga 4.3 tan metrik sehektar ketika ini.

"Hingga Oktober 2021, bilangan pembabitan dan hasil pendapatan kumpulan sasar, iaitu pesawah, sudah berjaya melebihi sasaran ditetapkan, iaitu sebanyak 28 hingga 180 peratus.

"Seramai 3,811 orang pesawah mendapat manfaat daripada program SMART SBB membabitkan kawasan penanaman padi seluas 9,777.7 hektar di beberapa tempat, termasuk Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Barat Laut Selangor dan IADA Seberang Perak," katanya menjawab soalan Khalid Abd Samad (PH-Shah Alam) pada sesi soal jawab lisan di Dewan Rakyat, hari ini.

Menjawab soalan tambahan Khalid, beliau berkata, ketika ini MARDI dengan kerjasama semua institusi pengajian tinggi (IPT) sentiasa menjalankan penyelidikan dan mengeluarkan beberapa jenis padi baharu.

"Benih padi baharu IS21 sudah dihasilkan. Kita sentiasa berkolaborasi bukan saja dengan universiti dan agensi tempatan tetapi juga negara lain.

"Ia supaya kita mendapat penemuan baharu yang boleh meningkatkan lagi tahap pengeluaran dan seterusnya meningkatkan pencapaian, supaya kita dapat mencapai 75 peratus SSL menjelang 2025," katanya.

Menjawab soalan Shahrizukirnain Abd Kadir (PAS-Setiu) mengenai sekuriti makanan, beliau berkata, Malaysia berjaya memperbaiki kedudukan dalam Indeks Keselamatan Makanan Global selepas menduduki tangga ke-39 pada tahun lalu, berbanding tangga ke-48 sebelum itu.

10/3/2022

SINAR  
HARIAN

BISNES

30

## Perlindungan takaful RM10 juta untuk 1,000 agropreneur wanita terawal

**KUALA LUMPUR** - Sempena Hari Wanita Antarabangsa 2022, Agrobank mengambil inisiatif memperkenalkan kempen istimewa dengan menawarkan perlindungan pakej takaful bernilai RM10 juta bertujuan memperkasakan agropreneur wanita Agrobank.

Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank Tengku Ahmad Badi Shah Raja Hussin berkata, kempen tersebut yang dikenali sebagai Kempen Promosi AgroNita memfokuskan kepada agropreneur mikro wanita yang mengusahakan perniagaan berasaskan makanan dan pertanian serta terkesan oleh pandemik Covid-19.

"Kebajikan agropreneur dan keluarga mereka adalah sama penting bagi kami, kerana sama-sama pendidik telah merfjadi cabaran kepada usahawan untuk memastikan kemampuan perniagaan mereka terutamanya bagi agropreneur wanita di bawah kategori mikro," katanya dalam satu kenyataan akhbar sempena Hari Wanita Antarabangsa 2022.

Kempen Promosi AgroNita merupakan satu inisiatif bank itu untuk menunjukkan penghargaan ke-



### AGRONITA

#### Khas Untuk Usahawan Mikro Wanita

Bermula 1 Mac 2022  
1,000 usahawan mikro wanita yang  
mendatangi bank/cabang melalui pendaftaran  
Internet Kasih Plus (IKP1)\*

\*Hajah bimbingan adalah kebajikan kepada semua dan sangat penting

Kempen AgroNita fokus kepada agropreneur mikro wanita yang menjalankan perniagaan berasaskan makanan dan pertanian

pada pelanggan dengan menyediakan perlindungan takaful percuma selama setahun di bawah pelan Takaful Kasih Plus kepada 1,000 pelanggan wanita pertama daripada kategori mikro di Agrobank dengan jumlah tahunan bernilai RM10 juta (RM10,000 setiap seorang).

Kempen ini terbuka kepada usahawan mikro wanita yang menerima kemudahan pembiayaan di bawah portfolio kewangan mikro menggunakan dana khas daripada Kementerian Pertanian Dan Industri Makanan (MAFI),

Bank Negara Malaysia (BNM) atau mana-mana agensi kerajaan lain bagi tujuan pemuliharaan ekonomi.

Tempoh kempen bermula 1 Mac 2022 bagi 1,000 pelanggan wanita terawal yang merupakan usahawan mikro Agrobank.

Untuk maklumat lanjut mengenai Kempen Promosi AgroNita, boleh layari laman web Agrobank di [www.agrobank.com.my](http://www.agrobank.com.my) atau hubungi pusat perkhidmatan pelanggan di talian 1300 88 2476 atau terus ke cawangan Agrobank - *Bermama*



Oleh Redzuan Muharam  
am@lumetro.com.my

### Kajang

**H**arian Metro meneruskan kerjasama dengan Agrobank menerusi program Titipan Kasih Harijan Metro (TKHM) bagi menayakan projek pembangunan Sistem Tanaman Hidroponik di enam rumah kebajikan termasuk pusat tahfiz.

Setiap rumah kebajikan diberikan peruntukan antara RM3,000 hingga RM5,000 bergantung kepada saiz dan ruang untuk aktiviti tanaman hidroponik.

Ketua Jabatan Syariah Agrobank, Hishamuddin Ab Hamid selaku wakil Agrobank berkata, enam rumah kebajikan terpilih, masing-masing dua di Selangor dan Perlis selain satu di Kedah serta Johor.

Katanya, projek hidropnik itu turut mendapat kerjasama Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bagi membantu mengenal pasti rumah kebajikan yang layak dan Jabatan Pertanian Malaysia yang membekalkan set permulaan sistem tanaman hidroponik serta sokongan berkaitan seperti kaedah penjagaan dan tip penanaman sehingga sekurang-kurangnya tiga kali tuai.

"Inisiatif Agrobank dan Harijan Metro menerusi program TKHM ini teretus selepas mengambil kira situasi semasa negara yang dilanda Covid-19 sejak dua tahun lalu dan berharap rumah kebajikan dapat memanfaatkan sektor pertanian demi kelangsungan, menghasilkan sumber makanan dan menjaga hasil pendapatan sendiri," katanya.

Beliau ditemui selepas menyempurnakan lawatan di Taman Projek Hidroponik di Kompleks Waja, Pusat Latihan Perindustrian dan Pemuliharaan (PLPP) Bangi di sini, semalam.

Turut hadir, Ketua Penolong Pengarah Kanan JKJ, Ahmad Tarmidi Nawawi Ab-



HISHAMUDDIN (dua dari kanan) menyerahkan replika cek sebagai simbolik penyerahan kepada Ismail (empat dari kanan) sambil disaksikan Husain (tengah) pada Program Titipan Kasih Harijan Metro Bersama Agrobank di Pusat Latihan Perindustrian dan Pemuliharaan (PLPP) Bangi. - NSTP/SAIFULLIZAN TAMADI.



PELATIH PLPP menerima sumbangan menerusi Program Titipan Kasih Harijan Metro (TKHM) Bersama Agrobank di PLPP, Bangi.



PELATIH PLPP, Nur Fakhru Musa menyemai anak benih pokok sayuran di PLPP, Bangi.



RUMAH hijau yang menempatkan sistem tanaman sayuran hidroponik di PLPP, Bangi.

## SEDLAKAN SET TANAMAN HIDROPONIK

*Enam rumah kebajikan termasuk pusat tahfiz terima peruntukan sehingga RM5,000 dalam program TKHM bersama Agrobank*

dul Razak dan Pengarah Berita Harijan Metro merangkap Pengarah Projek TKHM, Noor Azam Abd Aziz.

Sementara itu, Pengarah Kumpulan Harijan Metro Husain Jahit berkata, sistem dibangunkan itu akan menjadi satu modul pembelajaran

untuk pelatih di PLPP dalam bidang pertanian.

"Alhamdulillah, kita dapat kerjasama baik daripada Agrobank untuk menayakan satu lagi projek dan ia bersepatan dengan hasrat TKHM yang hendak membantu pihak berkeperluan.

"Kita mahu mereka di sini berdikari dan pertanian hidroponik ini adalah bidang yang boleh dilakukan sesiapa saja dengan mudah," katanya.

Bagi Pengarah PLPP Ismail Kasan, pihaknya menyambut baik inisiatif itu

menjadi urusetia bagi projek tanaman itu dan sempat mengikuti seminar berhubung kaedah menjaga tanaman dan sudah diberi tugas masing-masing.

Rakannya, Nur Amira Amit, 33, pula menyambut baik pelaksanaan projek itu kerana manfaat besar kepada OKU seperti mereka, selain berpeluang untuk menajana pendapatan.

"Projek ini memang berguna untuk semua termasuk OKU kerana memberi peluang belajar cara kendalikan dan menanam sayuran. Ia secara tidak langsung beri peluang pekerjaan," katanya.

Bekas pelatih, Mohd Ajwad Fadzil, 29, berkata, dia

kerana boleh mendayaupayakan orang kurang upaya (OKU) dalam bidang pertanian.

"Alhamdulillah, saya berbesar hati dengan peluang diberikan Harijan Metro dan Agrobank kepada PLPP untuk terlibat dalam program ini dan ia satu permulaan untuk kami mulakan kursus buat OKU ceburi bidang pertanian.

"Seramai 10 bekas pelatih terlibat dalam projek ini dan mereka akan mengikuti semua modul disediakan," katanya.

Bekas pelatih, Mohd Ajwad Fadzil, 29, berkata, dia

menjadi urusetia bagi projek tanaman itu dan sempat mengikuti seminar berhubung kaedah menjaga tanaman dan sudah diberi tugas masing-masing.

Rakannya, Nur Amira Amit, 33, pula menyambut baik pelaksanaan projek itu kerana manfaat besar kepada OKU seperti mereka, selain berpeluang untuk menajana pendapatan.

"Projek ini memang berguna untuk semua termasuk OKU kerana memberi peluang belajar cara kendalikan dan menanam sayuran. Ia secara tidak langsung beri peluang pekerjaan," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/3/2022	HARIAN METRO	ONLINE	

## TAKAFUL KASIH PLUS RM10J



PRESIDEN/Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin

AGROBANK memperkenalkan kempen istimewa dengan menawarkan perlindungan pakej takaful bernilai RM10 juta sempena Hari Wanita Antarabangsa 2022.

la bermatlamat untuk memperkasakan agropreneur wanita Agrobank bagi kategori perniagaan mikro mengenai kepentingan penjagaan dan perlindungan diri, sementara memikul tanggungjawab terhadap keluarga mereka, dari aspek ekonomi dan sosial.

Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin berkata, kempen itu yang dikenali sebagai Kempen Promosi AgroNita memberi fokus kepada agropreneur mikro wanita yang mengusahakan perniagaan berasaskan makanan dan pertanian dan terkesan oleh pandemik Covid-19 serta impak pelaksanaan perintah kawalan pergerakan (PKP) pada tahun ini dan tahun lalu.

"Kebajikan agropreneur kami dan keluarga mereka sama penting bagi kami. Keadaan ketika pandemik menjadi cabaran kepada usahawan untuk memastikan kemampanan perniagaan mereka, terutama bagi agropreneur wanita di bawah kategori mikro.

"Selain perniagaan mereka, wanita juga bertanggungjawab memastikan urusan keluarga mereka dijaga dengan baik dalam apa jua situasi.

"Kami sudah menyokong agropreneur wanita secara berterusan dalam pelbagai cara menerusi pelbagai produk dan inisiatif kami seperti AgroMumtaz dan Agro Farah-i yang dilancarkan ketika tempoh pandemik pada 2020 dan tahun lalu, dan pada tahun ini kami ambil satu lagi langkah ke hadapan dengan menggalakkan mereka memberikeutamaan kepada penjagaan diri dan perlindungan untuk orang yang tersayang," katanya dalam kenyataan.

Kempen Promosi AgroNita antara inisiatif bank untuk mempamerkan penghargaan kepada pelanggan dengan menyediakan perlindungan takaful percuma selama setahun di bawah pelan Takaful Kasih Plus kepada 1,000 pelanggan wanita pertama daripada kategori mikro di Agrobank dengan jumlah tahunan bernilai RM10 juta (RM10,000 setiap seorang).

Kempen ini terbuka kepada usahawan mikro wanita yang menerima sebarang kemudahan pembiayaan di bawah portfolio kewangan mikro yang menggunakan dana khas daripada Kementerian Pertanian Dan Industri Makanan (MAFI), Bank Negara Malaysia (BNM) atau mana-mana agensi kerajaan lain bagi tujuan pemulihan ekonomi.

Tempoh kempen bermula 1 Mac lalu bagi 1,000 pelanggan wanita terawal yang juga usahawan mikro Agrobank.

Tengku Ahmad Badli Shah berkata, kempen ini bertujuan memperkasakan usahawan tani wanita daripada kategori mikro supaya mampu berdikari dan menjadi wanita yang berjiwa kental dan pada masa sama mengambil berat mengenai kepentingan penjagaan dan perlindungan diri.

"Mandat kami adalah untuk mendidik pemilik perniagaan mikro dalam sektor pertanian, terutama golongan terpinggir dan kurang mendapat perhatian menerusi pelbagai produk dan perkhidmatan kami.

"Menerusi kempen bersempena Hari Wanita Antarabangsa, kami menawarkan sesuatu yang akan memanfaatkan mereka serta keluarga untuk sepanjang hayat," katanya.

Disiarkan pada: Mac 10, 2022 @ 7:15am



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/3/2022	HARIAN METRO	ONLINE	

## TKHM BANTU RUMAH KEBAJIKAN CEBURI PERTANIAN [METROTV]

Redzuan Muharam

[redzuan.muharam@hmetro.com.my](mailto:redzuan.muharam@hmetro.com.my)



**Kajang:** Harian Metro meneruskan kerjasama dengan Agrobank menerusi program Titipan Kasih Harian Metro (TKHM) bagi menjayakan projek pembangunan Sistem Tanaman Hidroponik di enam rumah kebajikan, termasuk pusat tahfiz.

Setiap rumah kebajikan diberikan peruntukan antara RM3,000 hingga RM5,000 bergantung kepada saiz dan ruang untuk aktiviti tanaman hidroponik.

Ketua Jabatan Syariah Agrobank, Hishamuddin Ab Hamid selaku wakil Agrobank berkata, enam rumah kebajikan terpilih, masing-masing dua di Selangor dan Perlis, selain satu di Kedah serta Johor.

Katanya, projek hidroponik itu turut mendapat kerjasama Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bagi membantu mengenal pasti rumah kebajikan yang layak dan Jabatan Pertanian Malaysia yang membekalkan set permulaan sistem tanaman hidroponik serta sokongan berkaitan seperti kaedah penjagaan dan tip penanaman sehingga sekurang-kurangnya tiga kali tuaian.

"Inisiatif Agrobank dan Harian Metro menerusi program TKHM ini tercetus selepas mengambil kira situasi semasa negara yang dilanda Covid-19 sejak dua tahun lalu, dan berharap rumah kebajikan dapat memanfaatkan sektor pertanian demi kelangsungan, menghasilkan sumber makanan dan menjana hasil pendapatan sendiri," katanya.



PELATIH PLPP Program Titipan Nur Fakhru Musa menyemai anak benih pokok sayuran Hidroponik pada program Kasih Harian Metro Bersama Agrobank, Kebun Tanaman Hidroponik di Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihan (PLPP) Bangi. FOTO Saifullizan Tamadi

Beliau ditemui selepas menyempurnakan lawatan di Taman Projek Hidroponik di Kompleks Waja, Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihan (PLPP) Bangi di sini, hari ini.

Sementara itu, Pengarang Kumpulan Harian Metro Husain Jahit berkata, sistem dibangunkan itu akan menjadi satu modul pembelajaran untuk pelatih di PLPP dalam bidang pertanian.

"Alhamdulillah, kita dapat kerjasama baik daripada Agrobank untuk menjayakan satu lagi projek dan ia bertepatan dengan hasrat TKHM yang hendak membantu pihak berkeperluan.

"Kita mahu mereka di sini berdikari dan pertanian hidroponik ini adalah bidang yang boleh dilakukan sesiapa saja dengan mudah," katanya.

Bagi Pengarah PLPP Ismail Kasan, pihaknya menyambut baik inisiatif itu kerana boleh mendayaupayakan orang kurang upaya (OKU) dalam bidang pertanian.

"Alhamdulillah, saya berbesar hati dengan peluang diberikan Harian Metro dan Agrobank kepada PLPP untuk terbabit dalam program ini dan ia satu permulaan untuk kami mulakan kursus buat OKU ceburi bidang pertanian.

"Seramai 10 bekas pelatih terbabit dalam projek ini dan mereka akan mengikuti semua modul disediakan," katanya.

Bekas pelatih, Mohd Ajwad Fadzil, 29, berkata, dia menjadi urusetia bagi projek tanaman itu dan sempat mengikuti seminar berhubung kaedah menjaga tanaman dan sudah diberi tugas masing-masing.

Rakannya, Nur Amira Amit, 33, pula menyambut baik pelaksanaan projek itu kerana manfaat besar kepada OKU seperti mereka, selain berpeluang untuk menjana pendapatan.

"Projek ini memang berguna untuk semua termasuk OKU kerana memberi peluang belajar cara kendalikan dan menanam sayuran. Ia secara tidak langsung beri peluang pekerjaan," katanya.

Disiarkan pada: Mac 9, 2022 @ 3:01pm

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/3/2022	MSN.COM	ONLINE	

## TKHM BANTU RUMAH KEBAJIKAN CEBURI PERTANIAN

Redzuan Muharam 17 hrs ago



*Pelatih PLPP Program Titipan Nur Fakhru Musa menyemai anak benih pokok sayuran Hidroponik pada program Kasih Harian Metro Bersama Agrobank, Kebun Tanaman Hidroponik di Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihan (PLPP) Bangi. FOTO SAIFULLIZAN TAMADI © Provided by Harian Metro*  
*Pelatih PLPP Program Titipan Nur Fakhru Musa menyemai anak benih pokok sayuran Hidroponik pada program Kasih Harian Metro Bersama Agrobank, Kebun Tanaman Hidroponik di Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihan (PLPP) Bangi. FOTO SAIFULLIZAN TAMADI*

**Kajang:** Harian Metro meneruskan kerjasama dengan Agrobank menerusi program Titipan Kasih Harian Metro (TKHM) bagi menjayakan projek pembangunan Sistem Tanaman Hidroponik di enam rumah kebajikan, termasuk pusat tahfiz.

Setiap rumah kebajikan diberikan peruntukan antara RM3,000 hingga RM5,000 bergantung kepada saiz dan ruang untuk aktiviti tanaman hidroponik.

Ketua Jabatan Syariah Agrobank, Hishamuddin Ab Hamid selaku wakil Agrobank berkata, enam rumah kebajikan terpilih, masing-masing dua di Selangor dan Perlis, selain satu di Kedah serta Johor.

Katanya, projek hidroponik itu turut mendapat kerjasama Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bagi membantu mengenal pasti rumah kebajikan yang layak dan Jabatan Pertanian Malaysia yang membekalkan set permulaan sistem tanaman hidroponik serta sokongan berkaitan seperti kaedah penjagaan dan tip penanaman sehingga sekurang-kurangnya tiga kali tuaian.

"Inisiatif Agrobank dan Harian Metro menerusi program TKHM ini tercetus selepas mengambil kira situasi semasa negara yang dilanda Covid-19 sejak dua tahun lalu, dan berharap rumah kebajikan dapat memanfaatkan sektor pertanian demi kelangsungan, menghasilkan sumber makanan dan menjana hasil pendapatan sendiri," katanya.

Beliau ditemui selepas menyempurnakan lawatan di Taman Projek Hidroponik di Kompleks Waja, Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihan (PLPP) Bangi di sini, hari ini.

Sementara itu, Pengarang Kumpulan Harian Metro Husain Jahit berkata, sistem dibangunkan itu akan menjadi satu modul pembelajaran untuk pelatih di PLPP dalam bidang pertanian.

"Alhamdulillah, kita dapat kerjasama baik daripada Agrobank untuk menjayakan satu lagi projek dan ia bertepatan dengan hasrat TKHM yang hendak membantu pihak berkeperluan.

"Kita mahu mereka di sini berdikari dan pertanian hidroponik ini adalah bidang yang boleh dilakukan sesiapa saja dengan mudah," katanya.

Bagi Pengarah PLPP Ismail Kasan, pihaknya menyambut baik inisiatif itu kerana boleh mendayaupayakan orang kurang upaya (OKU) dalam bidang pertanian.

"Alhamdulillah, saya berbesar hati dengan peluang diberikan Harian Metro dan Agrobank kepada PLPP untuk terbabit dalam program ini dan ia satu permulaan untuk kami mulakan kursus buat OKU ceburi bidang pertanian.

"Seramai 10 bekas pelatih terbabit dalam projek ini dan mereka akan mengikuti semua modul disediakan," katanya.

Bekas pelatih, Mohd Ajwad Fadzil, 29, berkata, dia menjadi urusetia bagi projek tanaman itu dan sempat mengikuti seminar berhubung kaedah menjaga tanaman dan sudah diberi tugas masing-masing.

Rakannya, Nur Amira Amit, 33, pula menyambut baik pelaksanaan projek itu kerana manfaat besar kepada OKU seperti mereka, selain berpeluang untuk menjana pendapatan.

"Projek ini memang berguna untuk semua termasuk OKU kerana memberi peluang belajar cara kendalikan dan menanam sayuran. Ia secara tidak langsung beri peluang pekerjaan," katanya.

© New Straits Times Press (M) Bhd

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/3/2022	SINAR HARIAN	ONLINE	

## MOSTI, MARDI DIMINTA BANGUNKAN PADI BAHARU TAHAN BANJIR: PM

NOR AZURA MD AMIN | | 09 Mac 2022



Ismail Sabri (tengah) menyerahkan simbolik benih padi IS21 kepada wakil komuniti di Felcra Sri Mahkota Endau, Mersing pada Rabu.

**MERSING** - Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) diminta bekerjasama membangunkan dua varieti padi baharu yang tahan lasak ditenggelami banjir dan tidak perlu menggunakan air yang banyak.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, pembangunan dua varieti padi baharu itu dapat mengurangkan kerugian ditanggung pesawah serta petani apabila bencana banjir menenggelamkan sawah padi malah boleh meningkatkan pendapatan.

"Di Filipina dan India ada benih padi yang tahan apabila ditenggelami air banjir. Negara kita ketika ini tidak tentu bila berlaku banjir, kadangkala masa padi sedang ranum atau pun anak padi sedang membesar tetapi ditenggelami banjir sehingga tanaman padi musnah.

"Keduanya, padi yang tidak memerlukan air yang banyak dan menggunakan kaedah siraman seperti pokok bunga, jadi ia tak perlu tali air yang memerlukan belanja besar, namun hanya guna sprinkler sekali gus mengurangkan kos dan meningkatkan pendapatan.

"Sebelum ini, MARDI ada membangunkan varieti padi tidak menggunakan banyak air namun hasil pengeluarannya tidak tinggi dan hanya antara tiga dan empat tan sahaja. Oleh itu, saya berpendapat MOSTI dan MARDI perlu bekerjasama membangunkan dua varieti padi baharu ini supaya ia lebih berkualiti dan dapat membantu pesawah kita," katanya.

Beliau berkata demikian ketika melancarkan Majlis Penyerahan Benih Padi IS21 kepada komuniti di Felcra Sri Mahkota Endau, di sini pada Rabu.

Hadir sama, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr Adham Baba dan Menteri Perpaduan Negara, Datuk Halimah Mohamed Sadique.

Dalam program itu, Ismail Sabri yang juga Ahli Parlimen Bera turut menyampaikan 500 guni benih padi IS21 seberat 20 kilogram (kg) setiap satu kepada wakil komuniti Endau.

# Malaysia wajar contohi strategi China basmi kemiskinan



Pensyarah Kanan  
Fakulti Perniagaan  
dan Ekonomi,  
Universiti Malaya

Oleh Dr Nur Hairani Abd Rahman  
bhrencana@bh.com.my

Satu daripada masalah sosial utama yang melanda dunia sejak dahulu lagi adalah kemiskinan. Pada 2019, Bank Dunia melaporkan hampir 9.2 peratus, bersamaan 689 juta penduduk dunia tergolong dalam kumpulan miskin tegar.

Peningkatan mendadak kemiskinan dijangka berlaku pada era pandemik COVID-19, yang mana dianggarkan terdapat pertambahan antara 88 juta hingga 115 juta penduduk berdepan kemelut kemiskinan pada 2020.

Secara umumnya, kemiskinan tegar ditakrifkan sebagai individu yang memperoleh pendapatan kurang daripada RM1.90 sehari. Jumlah terlalu minimum ini menyebabkan kumpulan ini tidak dapat menjalani kehidupan lebih baik di bandar yang mempunyai kos sara hidup terlalu tinggi.

Kemiskinan ini mewujudkan jurang kualiti hidup antara penduduk miskin dan kaya, sekali gus melebarkan jurang ketidaksamarataan dalam kalangan masyarakat. Keadaan ini menyukarkan lagi usaha membasmi kemiskinan, sama ada pada peringkat global atau lokal.

Indikator utama ini perlu diberi pertimbangan sewajarnya dalam pembentukan dan pelaksanaan dasar nasional pada masa akan datang, bagi memastikan tiada kecaciran berlaku dalam masyarakat.

Realitinya, kemiskinan berlaku di mana sahaja, sama ada di negara maju atau membangun dan mundur. Namun, pelaksanaan dasar berkaitan menangani kemiskinan dilaksanakan di beberapa negara penting untuk diberi perhatian.

Pada 1990, seramai 750 juta penduduk di China hidup di bawah garis kemiskinan. Ia menyamai dua pertiga daripada jumlah keseluruhan penduduknya. Menariknya, pada 2012, berlaku penurunan mendadak jumlah penduduk miskin apabila hanya 90 juta rakyat negara itu hidup di bawah garis kemiskinan.

Pada 2016 pula mencatatkan kira-kira 7.2 juta populasi di China atau 0.5 peratus dikategorikan sebagai miskin tegar. Perubahan drastik untuk tempoh kurang daripada 30 tahun ini menarik untuk diteliti.

Apakah formula digunakan China bagi membasmi kemiskinan tegar dalam negaranya. Apakah faktor yang membantu mereka membawa berjuta rakyatnya keluar daripada perangkap kemiskinan.

Berapa yang China laburkan untuk mengawal masalah sosial utama ini pada saat negara lain masih bergelut dengan isu kemiskinan yang tiada penghujungnya.

Persoalan ini penting untuk diteliti dan difahami khususnya bagi mereka yang terbahit dengan pembentukan, pengubahan dan pelaksanaan dasar berkaitan pembasmian kemiskinan.

Meneliti perkembangan dan kemajuan di China, negara itu menggunakan pendekatan serampang dua mata untuk memajukan sektor ekonomi sekali gus menaik taraf kehidupan sosial masyarakat. Bukan sahaja berjaya membebaskan berjuta rakyatnya daripada kemelut kemiskinan, bahkan turut menjadikan negara Tembok Besar itu sebagai satu daripada negara kuasa besar ekonomi dunia pada ketika ini sebaris dengan Amerika Syarikat (AS), Jepun, Jerman dan United Kingdom (UK).

China menggunakan pelbagai pendekatan untuk membantu rakyatnya keluar daripada kemiskinan, namun terdapat tiga strategi yang menarik dikupas.

Pertama, Program Pembangunan Agrikultur Nasional (1956-1967) menjadi pemangkin asas kepada pengukuhan sektor agrikultur negara itu.

Dasar ini memberi impak positif membantu masyarakat khususnya petani yang jumlahnya menjangkau satu perempat daripada jumlah keseluruhan warga China pada zaman itu.

Kerajaan China berterusan memberi fokus kepada pembangunan sektor agrikultur sehingga era 1980-an dengan pelbagai penambahbaikan terhadap dasar sedia ada serta memberi tumpuan utama kepada beberapa wilayah mundur.

Dasar bersifat terarah ini membantu wilayah mundur untuk bangkit dan mengejar pembangunan lebih seimbang dengan wilayah maju.

Berbeza dengan beberapa negara lain terutama di rantau Asia Tenggara, kebanyakan dasar pembangunan di negara ini lebih menumpu kepada kawasan lebih maju berbanding mundur. Keadaan ini mewujudkan jurang pembangunan tidak seimbang dan ketidaksamarataan dalam masyarakat.

Kedua, kerajaan China begitu komited memperkukuhkan dasar perlindungan sosial nasional. Sejak era 1950-an, walaupun dibelenggu dengan kemunduran ekonomi, usaha membantu rakyat miskin tetap diberi perhatian.

Pada ketika ini, kerajaan China menyediakan pelbagai keperluan asas termasuk pendidikan, khususnya kepada golongan kanak-kanak dan remaja.

Pendidikan dikenal pasti sebagai antara indikator utama memainkan peranan penting meliburkan masyarakat berilmu sekali gus membawa diri mereka keluar daripada kepompong kemiskinan.

China turut mempunyai dasar mewajibkan rakyatnya memperoleh pendidikan. Hasilnya, pada 2021, dianggarkan seramai 10.78 juta calon menduduki peperiksaan National Higher Education Entrance.

Bukan sahaja berjaya membebaskan berjuta rakyatnya daripada kemelut kemiskinan, bahkan turut menjadikan negara Tembok Besar itu sebagai satu daripada negara kuasa besar ekonomi dunia pada ketika ini sebaris dengan Amerika Syarikat (AS), Jepun, Jerman dan United Kingdom (UK)

Kerajaan China juga komited mengukuhkan sistem pendidikan nasional. Buktinya, pada 2020, kerajaan China membelanjakan sekitar AS\$817 billion atau lebih kurang empat peratus daripada keseluruhan pendapatan keluaran negara kasarnya untuk sektor pendidikan, berbanding 2.5 peratus dalam pertengahan era 1990-an.

China turut merancang Pelan Pemodenan Pendidikan China menjelang 2035, yang menyasarkan pembangunan sektor pendidikan berkualiti sejajar dengan Matlamat Pembangunan Mampaan.

Ketiga, untuk memastikan kebajikan rakyatnya dijaga, China memberi penekanan kepada aspek tadbir urus sosial yang menumpu kepada usaha membanteras kemiskinan. Pada 2015, China melaksanakan program membanteras kemiskinan dengan mewujudkan rangkaian pengurusan pembasmian kemiskinan.

Strategi ini tertumpu kepada pengurusan pada peringkat tempatan dengan menyasarkan perkampungan miskin. Pasukan yang terbahit dalam rangkaian pembasmian kemiskinan ini digerakkan di setiap lokaliti dan bekerjasama dengan masyarakat tempatan bagi memudah cara pengurusan kemiskinan.

Pada 2020, terdapat 255,000 pasukan penduduk terbahit dalam rangkaian ini. Di samping itu, lebih lima juta pegawai ditugaskan untuk memantau perkembangan aktiviti tadbir urus pembanteras kemiskinan pada peringkat tempatan dan kampung.

Strategi ini menunjukkan China bersedia mengemblem jentera kerajaan dalam membanteras kemiskinan sehingga ke peringkat akar umbi. Berdasarkan kepada pencapaian ini, Malaysia wajar menjadikan negara China sebagai penanda aras dalam membasmi isu kemiskinan. Malaysia masih bergelut menepati sifar miskin tegar. Sehingga kini, matlamat itu masih gagal direalisasikan.

Mungkin sudah tiba masanya untuk Malaysia belajar daripada China bagaimana untuk membasmi kemiskinan tegar.





# Fatimah MZ Agro Farm mula dapat tempahan



Zainol Abidin (kanan) bersama pekerjajanya memberi makan kepada salah seekor lembu kesayangannya di ladang ternakan Fatimah MZ Agro Farm Sdn Bhd

Sasar tempahan 200 ekor lembu bagi ibadah korban 2022

Oleh ROSHILA MURNI ROSLI

## KUBANG PASU

**F**atimah MZ Agro Farm Sdn Bhd di Jalan Sintok di sini menyasarkan 200 ekor lembu akan terjual bagi memenuhi permintaan ibadah korban pada tahun ini.

Pengarah Urusan Fatimah MZ Agro Farm Sdn Bhd, Zainol Abidin Mohamad berkata, sasaran itu berdasarkan trend permintaan pelanggan yang gemarkan lembu tempatan yang

**Kami sentiasa memastikan lembu dan juga lain-lain haiwan ternakan sentiasa sihat, mendapat vaksinasi yang lengkap dan memakan makanan dari sumber yang halal dan bersih sahaja.**

- Zainol Abidin

diyakini sihat dan terjamin status halalnya.

Katanya, pada tahun lalu dalam keadaan pandemik dia berjaya menjual 100 ekor lembu untuk ibadah korban, walaupun pada ketika itu prosedur operasi standard (SOP) Hari Raya Aidiladha agak ketat.

"Jadi pada tahun ini, melihat sambutan baik daripada pelanggan sejak dari awal tahun lagi Insya-ALLAH kita sasarkan 200 ekor lembu untuk ibadah korban," katanya ketika ditemui di ladang ternakan Fatimah MZ Agro Farm Sdn Bhd di Jalan Sintok di sini.

Menurutnya, tempahan untuk ibadah korban sudah dibuka mulai 1 Mac lalu bagi memudahkan urusan penyediaan lembu korban.

"Pelanggan boleh menghubungi kami untuk membuat tempahan dengan kadar satu bahagian daging berharga RM750.

"Kami menerima bayaran deposit sebanyak RM200 dan kemudian pelanggan boleh membuat bayaran secara ansuran sehingga Hari Raya Aidiladha.

"Selain itu, kami juga menyediakan perkhidmatan menyembelih dan melapah yang dikendalikan oleh petugas bertauliah dan berpengalaman," katanya.

Zainol Abidin yang juga seorang pesara guru menambah, pelanggan juga tidak perlu bimbang dengan status halal dan

kualiti haiwan ternakan mereka.

"Kami sentiasa memastikan lembu dan juga lain-lain haiwan ternakan sentiasa sihat, mendapat vaksinasi yang lengkap dan memakan makanan dari sumber yang halal dan bersih sahaja.

"Sebagai umat Islam, faktor halal sentiasa menjadi keutamaan kita apatah lagi dalam melaksanakan ibadah korban kepada Allah SWT," katanya yang turut mempunyai haiwan ternakan seperti kambing dan rusa.

Bapa kepada empat orang cahaya mata itu berkata, dalam usaha menangani kos makanan haiwan yang tinggi, pihaknya juga mengambil inisiatif dengan menanam rumput sendiri.

"Kami juga menggunakan pelepah sawit yang diproses sendiri untuk menggantikan dedak haiwan.

"Selain itu, batang jagung juga kami akan hancurkan sebetun digaul bersama gula merah. Jagung ini sangat baik kerana mengandungi protein yang tinggi dan ia menjadi kegemaran lembu di sini," katanya.

Sementara itu, dalam perkembangan lain, ladangnya kini dalam proses untuk menghantar bekalan daging tempatan sejuk beku ke Sarawak.

"Kami ada menerima tawaran ini, Insya-ALLAH sekarang dalam perancangan untuk menyediakan bekalan dan mungkin akan menghantar dua kontena daging lembu ke sana pada setiap bulan," katanya.

## Dahulu asnaf, kini jadi tauke cili

PARIT - Projek tanaman cili fertigasi telah membantu Muhammad Salleh Jamail, 32, yang dahulunya merupakan seorang asnaf keluar daripada kepong kemiskinan.

Muhammad Salleh berkata, dia tidak menyangka peluang yang diberikan Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPK) serta bimbingan Institut Agro Usahawan (i-Grow) memberi hasil lumayan selepas memperoleh hampir RM9,000 bagi tuaian pertama atau RM20,000 dalam masa empat bulan.

"Sebelum ini saya mencari rezeki dengan mengambil upah meracun dan membaja di kebun kelapa sawit dengan pendapatan RM1,000 sebulan.

"Saya berminat untuk bertani dan sudah mengikuti pelbagai program termasuk i-Grow. Saya mula memulakan tanaman cili sebanyak 1,000 pokok pada November tahun lalu," katanya ketika ditemui di Kampung Talang, Tanjung Belanja di sini semalam.

Menurut Muhammad Salleh, meskipun cili fertigasi memerlukan penjagaan rapi terutama pada musim hujan, namun ia tidak memudarkan semangatnya, malah lebih bersemangat apabila ada rakan-rakan yang berminat selepas melihat usaha beliau membuahkan hasil.



MUHAMMAD SALLEH (kiri) dan Nordin (kanan) menunjukkan hasil tuaian cili fertigasi yang diusahakan di Kampung Talang, Tanjung Belanja, Parit semalam.

Muhammad Salleh turut bercadang untuk membantu penduduk kampung mengusahakan cili fertigasi tersebut.

Sementara itu, Pengerusi Eksekutif i-Grow, Nordin Malek berkata, pihaknya merancang untuk menjayakan pertanian secara komuniti di Perak supaya ia

lebih mapan dan menjadi sebahagian daripada rantaian bekalan makanan.

"Kejayaan Muhammad Salleh menunjukkan bahawa golongan asnaf boleh berjaya sekiranya dibantu dan mendapat bimbingan serta latihan yang betul," kata beliau.

# Dulu jurutera, sekarang pengusaha nanas berjaya di Pengerang

**PENGERANG** - Nekad meninggalkan bidang kejuruteraan untuk berbudi kepada tanah, ternyata pada Roslee Ismail yang mengusahakan tanaman nanas di Kampung Lepau, Pengerang di Kota Tinggi.

Melihat hamparan tanaman nanas setiap kali pulang ke kampung halaman, Roslee, 51, berkata dia tertitik untuk menceburi bidang pertanian sebagai kerjaya baharu.

"Sebelum ini saya bekerja 'makan gaji' sebagai jurutera kimpalan di sebuah syarikat swasta di Selangor dan apabila pulang ke kampung di Kota Tinggi, saya melihat ramai orang luar yang mengusahakan tanaman nanas, daripada situlah timbulnya keinginan untuk berbakti kepada tanah di kampung halaman sendiri," katanya baru-baru ini.

Roslee berkata pada 2006 dia mencuba nasib dengan membuat permohtoran sewan tanah dari pada Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) dan pihak tersebut bersetuju menyewakan tanah seluas 8.09 hektar di Kampung Lepau kepadanya.

Sejak daripada itu, dia men-



Roslee Ismail bersama nanas diusahakannya

gusahakan nanas jenis M36 diikuti Morris, Crystal Honey dan Josephine sebelum memupukannya sepenuhnya kepada nanas MD2 susulan ia mendapat permintaan tinggi di pasaran.

"Bermodalkan kira-kira RM100,000 saya memulakan tanaman nanas dengan mengupah pekerja untuk mengusahakannya selama kitaran 18 bulan," kata Roslee yang berkelulusan Sijil Teknologi Kimpalan dari Institut Kemahiran Belia.

Sebagai individu yang baru berjinak-jinak dengan sektor pertanian,

mereka menawarkan lagi 20 ekar tanah TKPM, syukur sehingga kini saya sudah mempunyai 40 ekar tanah untuk diusahakan," katanya.

Menurut Roslee yang berpin-dah ke kebun TKPM pada 2009, dia sangat gembira dan berpuas hati apabila melihat hasil tanaman nanasnya mendapat permintaan ramai sekali gus membuatkan-nya nekad berhenti kerja sebagai jurutera kimpalan bagi memupuk perhatian sepenuhnya terhadap kebun nanas itu pada tahun sama.

Lebih mengembirakannya apabila Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) turut menawarkan kepadanya pinjaman benih MD2 sebanyak RM100,000 pada 2013 bagi mempergiatkan lagi usaha tanaman nanas varieti tersebut bagi menampung permintaan tinggi dalam pasaran domestik serta eksport.

"Dalam tempoh seminggu kita mampu mengeluarkan 200 biji nanas jenis MD2 dengan purata jualan sebiji RM3 bersamaan RM6,000 seminggu dan jika dibantu LPNM dengan subsidi yang ada, petani hanya mengeluarkan kos dalam RM1 bererti bersih dalam RM2 se-

biji untuk buah sahaja bermakna pendapatan bersih boleh dapat RM4,000 seminggu," katanya.

Berdasarkan rekod LPNM, Johor merupakan pengeluar nanas terbesar negara diikuti Sarawak, Sabah dan Kedah.

Ketika ditanya mengenai harapan terhadap pengusaha nanas seperti ini, dia berharap kerajaan dapat mempergiatkan lagi industri pengedaran nanas dengan menyediakan pelbagai bantuan dan latihan agar lebih ramai agropreneur muda terlibat dalam tanaman komoditi tersebut.

"Saya sendiri bersedia menawarkan diri untuk memberi latihan kepada anak-anak muda untuk mempelajari mengenai penanaman nanas ini, kerana ia bukan sahaja antara sumber kekayaan baharu negara malah mampu meningkatkan pendapatan petani.

"Saya yakin dengan adanya banyak program latihan sebegini dapat menarik lebih ramai golongan belia daripada kumpulan B40 untuk terlibat dalam sektor pertanian dan sekali gus meningkatkan taraf hidup mereka," kata bapa lima anak itu. - BNM

10/3/2022

UTUSAN  
MEDIADALAM  
NEGERI

10

# Covid-19: Permintaan kelapa muda meningkat



**MOHD. Ali Nafiah Harun** menunjukkan buah kelapa muda yang sudah tersedia untuk dijual kepada perah di kebunnya di Kampung Chempedak, Repah, Tampin, Negeri Sembilan. - **UTUSAN/NOR AINNA HAMZAH**

**TAMPIN:** Peningkatan kes Covid-19 ketika ini mendorong kepada lonjakan permintaan terhadap buah kelapa muda.

Perkara tersebut tidak dinafikan seorang penanam pokok kelapa, Mohd. Ali Nafiah Harun, 62, dari Kampung Chempedak, Repah, di sini yang mendapati permintaan itu meningkat melebihi sekali ganda.

Bekas pesara polis itu berkata, sejak Covid-19 melanda negara, permintaan kelapa muda yang diusahakannya sejak tujuh tahun lalu juga meningkat sehingga 2,000 biji sebulan.

"Purata permintaan kelapa muda adalah sekitar 500 ke 700 biji sebulan, namun sejak bermulanya pandemik Covid-19 sehingga kini, permintaannya boleh mencecah sehingga 2,000 biji kelapa sebulan.

"Permintaan memang banyak

dan kadangkala tidak cukup. Saya juga terkejut apabila permintaan meningkat, namu, ia bukanlah sesuatu yang menghairankan kerana sememangnya air kelapa muda terkenal dengan pelbagai khasiat termasuk ikhtiar dalam merawat demam," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* semalam.

Menurut Mohd. Ali lagi, dia memiliki 60 batang pokok kelapa pelbagai jenis antaranya kelapa pandan, gading dan hijau yang ditanam di atas tanah seluas suku hektar di halaman rumahnya.

"Tanaman kelapa ini tidak pernah mendatangkan kerugian kerana permintaananya sentiasa ada, baik kelapa muda atau tua.

"Jika kelapa tua boleh dijual sebagai benih dengan harga sekitar RM15 ke atas mengikut jenis. Lidi kelapa juga boleh dijadikan penyapu dan dijual kepada sesiapayang berminat," katanya.